

08 JAN 1998

Rasuah-tabiat

TABIAT HIDUP MEWAH TANDA RASUAH PEGAWAI AWAM

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Tabiat hidup mewah seperti memiliki barangan kemas dan perhiasan secara berlebihan, mempunyai kereta mewah dan sering melancong ke luar negeri ialah antara beberapa petanda kemungkinan wujudnya amalan rasuah di kalangan kakitangan awam.

Perkara itu digariskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam arahan Perdana Menteri Bilangan 1/1998 yang dikeluarkan hari ini kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Perkhidmatan, Setiausaha Kerajaan Negeri dan ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan.

Tanda-tanda lain, menurutnya, ialah kakitangan berkenaan kerap kali bekerja berseorangan di kawasan sulit di waktu rehat atau luar waktu pejabat, tidak konsisten dalam produktiviti, terlibat dalam urusan lain dalam jabatan secara berlebihan tanpa kaitan dan arahan, membuat panggilan telefon yang panjang dan penuh kerahsiaan serta terlibat dalam perjudian dan berfoya-foya dan kerap kali mengunjungi pusat-pusat hiburan.

Arahan Perdana Menteri itu turut menggariskan tindakan pengawalan dalaman, kod etika dan tindakan pengesanan amalan rasuah dalam perkhidmatan awam.

Kerajaan negeri, kementerian dan agensi kerajaan juga perlu menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) sebagai usaha membanteras amalan rasuah dalam perkhidmatan awam secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan.

Jawatankuasa peringkat persekutuan, negeri dan daerah itu bertujuan mengatasi kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan lain.

JKP ditubuhkan di bawah pengawasan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada majlis pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di ibu pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) di sini, Dr Mahathir telah menyerahkan naskhah arahan itu serta naskhah Akta Pencegahan Rasuah 1997 kepada lapan wakil jentera kerajaan berkenaan.

Dalam arahan itu juga Perdana Menteri menyatakan bahawa JKP ditubuh berikutan perkembangan gejala rasuah yang membimbangkan, yang jika tidak dibendung "boleh menggugat keselamatan awam, membebankan rakyat dan menimbulkan ketidakadilan akibat kerakusan dan pengkhianatan amanah oleh mereka yang berkuasa."

Oleh itu, katanya, masalah ini perlu ditangani secara menyeluruh, bersepadu dan terancang serta merangkumi aspek pencegahan rasuah, kecekapan, ketelusan, integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran kerajaan.

Pada peringkat kementerian, JKP dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai pengarah dan ketua jabatan, bahagian; pegawai penasihat undang-undang, pegawai agama, pegawai khidmat kaunseling dan pegawai audit dalaman.

Pada peringkat negeri, JKP dipengerusikan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri dan dianggotai antaranya oleh Anggota Exco Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi Pembangunan, Tanah, Perumahan, Agama dan Kerajaan Tempatan. -- BERNAMA

RAZ MAI